

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : HARIAN METRO  
TARIKH / HARI : 23 JANUARI 2017 (ISNIN)

## 2,000 sertai Hari Tanpa Kenderaan

**Shah Alam:** Selepas keberkesanan program Hari Tanpa Kenderaan yang dilaksanakan di beberapa negeri termasuk di ibu negara, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengikut jejak langkah sama dengan memulakan penganjurannya pada tahun ini.

Timbalan Datuk Bandar Shah Alam Shukri Mohamad Hamin berkata, program dijalankan setiap Ahad pada minggu kedua setiap bulan itu bertujuan membudayakan rasa cinta masyarakat kepada alam sekitar melalui pengisian aktiviti berkonsepkan gaya hidup sihat.

"Sambutan yang diterima daripada warga bandar raya

ini amat menggalakkan.

"Ini dapat dilihat melalui penyertaan mereka dalam pelbagai acara seperti berbasikal, kasut roda, papan luncur, serta berjalan di sekitar kawasan pusat bandar raya," katanya selepas merasmikan program Hari Tanpa Kenderaan 2017, di Dataran Kemerdekaan, di sini, semalam.

Kira-kira 1,000 orang ramai terdiri daripada warga kerja MBSA serta penduduk setempat menyertai program mulai jam 6.30 pagi sehingga 9.30 pagi.

Shukri berkata, program julung kali diadakan itu adalah inisiatif MBSA selaras dengan matlamat menjadi

kan Shah Alam Bandar Raya Rendah Karbon menjelang tahun 2030.

"Dengan adanya penganjuran ini diharapkan ia dapat memberi kesedaran kepada masyarakat terutama warga Shah Alam mengurangkan penggunaan kenderaan dan pelepasan asap karbon dioksida untuk meneruskan kelestarian bandar raya ini.

"Pihak MBSA akan menutup beberapa jalan antaranya, Persiaran Bandaraya di Dataran Kemerdekaan, Persiaran Perbandaran, Persiaran Tasik, Persiaran Masjid, Persiaran Dato' Menteri dan Persiaran Damai bagi memastikan kelancaran program dijalankan," katanya.



PESERTA yang menyertai program bersama basikal mereka.